

Haron Din mungkin tak faham pendedahan WSJ sehingga sokong Najib

The Malaysian Insider

July 6, 2015

Oleh Mohd Farhan Darwis

Mursyidul Am PAS Datuk Dr Haron Din berkemungkinan tidak melihat keseluruhan kronologi isu membabitkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak seperti didedahkan akhbar The Wall Street Journal (WSJ) sehingga mengeluarkan kenyataan menyokong perdana menteri itu, kata Setiausaha Gabungan Harapan Baru Dr Dzulkefly Ahmad.

Dzulkefly pada sidang media di pejabat ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad hari ini berkata, Haron juga berkemungkinan tidak melihat bukti dan pendedahan oleh WSJ berhubung dakwaan hampir AS\$700 juta dipindahkan ke akaun peribadi Najib daripada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Saya bersangka baik, beliau tidak sempat untuk melihat keseluruhan kronologi, bukti dan pendedahan itu," katanya yang juga merupakan bekas Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, kepada pemberita.

Najib dalam satu program berbuka puasa di Semenyih semalam mengucapkan terima kasih kepada pihak yang tidak sewenang-wenangnya mempercayai laporan WSJ termasuk Haron.

Najib menegaskan, beliau tidak akan sesekali mengkhianati kepercayaan rakyat Malaysia, apatah lagi harta benda mereka.

"Saya juga menjadi mangsa serangan mereka secara bertubi-tubi yang kebelakangan ini kononnya saya songlap duit yang besar masuk dalam akaun peribadi.

"Saya berterima kasih, ramai juga yang kata tidak percaya berita itu, termasuk Haron Din, dia kata tak masuk akal saya lakukan perkara seperti itu," kata Najib.

"Tentu sekali saya sebagai perdana menteri tidak akan mengkhianati rakyat Malaysia dan harta benda rakyat Malaysia," katanya.

Haron sebelum ini dilaporkan berkata, dakwaan WSJ itu tidak logik dan menggesa siasatan dilakukan terlebih dulu.

Katanya, jika seseorang individu hendak mengambil dana awam untuk tujuan tertentu, dia akan menggunakan akaun sulit dan bukannya menerusi akaun peribadi.

"Oleh itu, saya merasakan laporan itu mesti disiasat kebenarannya sama ada benar atau tidak.

"Jika sebelum ini banyak laporan dikaitkan dengan perdana menteri dan syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB), tetapi setelah dijelaskan satu persatu, banyak berita didapati tidak benar," katanya. – 6 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/haron-din-mungkin-tak-faham-pendedahan-wsj-sehingga-sokong-najib>